

Pada tahun 2024, tujuh pemegang CMSL baharu telah diluluskan. Sementara itu, 15 entiti berdaftar baharu turut diluluskan, termasuk 14 modal teroka dan ekuiti persendirian (VCPE), serta satu Penjaga Aset Digital (DAC). Dalam tempoh yang sama, SC juga mendaftarkan tiga pengendali pasaran yang diiktiraf (RMO), terdiri daripada dua pengendali platform pembiayaan antara rakan setara dan satu pengendali pertukaran aset digital.

Sehingga 31 Disember 2024, sebanyak 937 permohonan CMSRL telah diluluskan, dengan jumlah pemegang CMSRL berjumlah 10,314.

Sepanjang tahun 2024, empat pemegang CMSL telah menyerahkan lesen mereka kerana mereka tidak lagi menjalankan aktiviti terkawal yang dilesenkan kepada mereka. Selain itu, 889 pemegang CMSRL telah menyerahkan lesen masing-masing disebabkan oleh persaraan, peletakan jawatan (kerana tawaran yang lebih baik), dan perubahan dalam laluan kerjaya.

JADUAL 13

Lesen atau pendaftaran dihentikan, dibatalkan dan digantung

Pemegang CMSL	2024	2023
Dihentikan, dibatalkan atau digantung	4	3
Pemegang CMSRL		
Dihentikan, dibatalkan atau digantung	889	962
Permohonan untuk pendaftaran		
Dihentikan, dibatalkan atau digantung	5	8

PEMANTAUAN

Menggalakkan Ketelusan dan Akauntabiliti dalam Syarikat Tersenarai Awam untuk Integriti Pasaran

Integriti pasaran modal adalah penting untuk memupuk keyakinan pelabur dan memastikan kestabilan sistem kewangan. Dalam konteks ini, SC memainkan peranan penting dalam memantau tatalaku syarikat awam tersenarai (PLC), dengan tujuan untuk memastikan pematuhan kepada undang-undang dan peraturan sekuriti, seterusnya melindungi kepentingan pelabur.

Usaha pemantauan SC adalah berasaskan risiko, dengan tumpuan pada meneliti urus niaga korporat, pendedahan, dan penyata kewangan PLC. Tahun ini,

dengan peningkatan yang lebih tinggi dalam alat pemantauan dan analitik dalaman, SC telah meningkatkan automasi yang lebih tinggi serta analisis yang lebih berkesan untuk mengenal pasti syarikat yang menunjukkan kebimbangan yang semakin ketara. Dengan pengesanan yang lebih baik dan semakan kes yang lebih pantas, keberkesanan pemantauan SC dipertingkatkan, menghasilkan peningkatan 60% (berbanding 2023) dalam bilangan kes yang berpotensi membunyai isu, yang telah disemak dan diambil tindakan sewajarnya.

Dalam menyemak urus niaga dan tatalaku korporat PLC, SC melakukan libat urus dengan pengarah, pegawai dan juruaudit berkanun untuk mendapatkan pandangan dan memastikan akauntabiliti. Setelah selesai semakan, kes yang mungkin melanggar undang-undang sekuriti dirujuk untuk siasatan rasmi dan/atau tindakan penguatkuasaan oleh SC, manakala kes dengan kemungkinan pelanggaran Keperluan Penyenaraian dirujuk kepada Bursa Malaysia untuk tindakan selanjutnya.

Penekanan yang lebih tinggi juga diberikan kepada pematuhan PLC terhadap standard pelaporan kewangan yang diluluskan untuk memastikan ketelusan dan keserasian dalam penyata kewangan, sekali gus memberikan pelabur maklumat yang tepat tentang keadaan kewangan PLC.

Untuk memastikan aktiviti pemantauannya kekal relevan dan berkesan, SC sentiasa menyemak dan, sekiranya sesuai, mempertingkat dan menambahbaik pendekatannya, dengan mengambil kira, antara lain, arah aliran pasaran baru yang muncul dan kebimbangan mengenai tingkah lakuan tatalaku korporat. Memandangkan pasaran modal terus berkembang dalam menghadapi cabaran global, SC berpegang teguh kepada komitmen untuk melindungi kepentingan pelabur, menjadikannya asas kepada kestabilan dan integriti pasaran.

Memupuk Pematuhan Terhadap Peraturan Pengambilalihan dan Penggabungan serta Mengekalkan Peraturan Berkesan

Sebagai sebahagian daripada mandatnya, SC turut memantau dengan teliti pematuhan terhadap keperluan pengambilalihan bagi mengesan salah laku dan pelanggaran yang boleh menjejaskan kepentingan pelabur awam. Pada tahun 2024, SC telah mengeluarkan notis pelanggaran bagi pelbagai ketidakpatuhan yang dikesan, termasuk kegagalan penasihat memastikan pelanggannya mematuhi peraturan pengambilalihan serta ketidakpatuhan berkaitan urusan dalam sekuriti semasa tempoh tawaran dan/atau pendedahan maklumat kepada SC (Jadual 14).

JADUAL 14
Hasil pemantauan

Hasil pemantauan	2024	2023
Tindakan pentadbiran*	0	1
Notis Pelanggaran*	5	5

Nota:
* Dikira berdasarkan syarikat penerima tawaran yang terlibat dan bukannya bilangan notis yang dikeluarkan atau tindakan yang diambil. Statistik juga ditunjukkan di bawah tindakan pentadbiran SC (Jadual 20) dan Notis Pelanggaran (Jadual 25).

Di samping itu, untuk mendahului dan menangani isu-isu utama dalam transaksi berkaitan urusan niaga pengambilalihan, SC menggalakkan penglibatan awal melalui proses perundingannya. Dalam melaksanakan pendekatan ini, SC memberi perhatian terhadap sensitiviti komersial, keperluan ketepatan masa, dan kerahsiaan. Dengan mengambil pendekatan ini, SC menyediakan persekitaran yang kondusif untuk pihak berkepentingan mendapatkan penjelasan dan panduan yang berkaitan. Matlamatnya adalah untuk meningkatkan pematuan pihak berkepentingan terhadap keperluan kawal selia untuk transaksi pengambilalihan dan penggabungan. Pada 2024, perundingan dengan SC melibatkan pelbagai aspek peraturan pengambilalihan termasuk pengenalan penawar utama dan mereka yang bertindak bersama, mencetuskan kewajipan tawaran mandatori dan kelayakan untuk pengecualian, syarat dan prasyarat kepada tawaran, kelayakan untuk bertindak sebagai penasihat bebas, serta pertanyaan am lain.

Sepanjang tahun 2024, SC dan Bursa Malaysia juga terlibat dalam pelbagai perbincangan dan dialog dengan lembaga pengarah syarikat untuk disenaraikan di Pasaran Utama atau Pasaran ACE berhubung dengan keperluan penting yang perlu dipatuhi oleh syarikat tersenarai, termasuk peraturan pengambilalihan utama. Inisiatif ini berfungsi sebagai platform penting untuk perkongsian keperluan pengawalseliaan utama sambil memupuk pemahaman yang lebih mendalam tentang beberapa keperluan kawal selia dalam kalangan syarikat yang baru disenaraikan.

Selain interaksinya dengan penasihat semasa semakan permohonan atau perundingan, SC melakukan libat urus dengan pengamal industri untuk menangani isu berkaitan pengambilalihan dan/atau menjelaskan pematuan. Saluran komunikasi terbuka ini membantu memupuk hubungan kerja yang kukuh dengan pihak berkepentingan. Pada 11 Oktober 2024, SC

menganjurkan dialog mengenai isu pengambilalihan dan penggabungan semasa, dihadiri oleh wakil daripada 26 firma penasihat kewangan korporat dan Persatuan Perbankan Pelaburan Malaysia (MIBA). Dialog tahunan ini mendapat sambutan baik, dengan peserta mendapati ia bernas dan membantu dalam memberikan kejelasan tentang topik yang dikenal pasti.

SC juga mengiktiraf kepentingan mengadakan mesyuarat berkala dengan pengawal selia pengambilalihan lain untuk menangani isu kepentingan bersama dan membina hubungan merentasi sempadan. Selaras dengan ini, SC menyertai sebagai salah pembentang dalam Persidangan Pengawal Selia Pengambilalihan Antarabangsa ke-7 yang diadakan di Toronto, Kanada, pada Mei 2024 dan dalam salah satu sesi SC berkongsi pengalaman Malaysia dalam mengemudi transaksi pengambilalihan semasa pandemik global COVID-19. Persidangan ini merupakan perjumpaan tertutup untuk pengawal selia selama dua hari diikuti dengan sesi terbuka yang disertai oleh komuniti kewangan Kanada yang lebih luas, termasuk pengawal selia dan pembentang lain yang pakar dalam bidang penggabungan dan pemerolehan sebagai pembentang pada hari terakhir.

Libat urus antarabangsa ini membantu SC menilai kerelevanan rangka kerja kawal selianya terhadap aktiviti pengambilalihan, selaras dengan perkembangan landskap pasaran dan amalan terbaik global. Di samping itu, penglibatan dengan pengawal selia dan pakar lain turut memberi manfaat kerana ia memberikan pandangan yang lebih mendalam kepada SC mengenai isu dan trend baharu yang muncul serta pengurusan perkara tersebut.

Ringkasnya, pendekatan pelbagai aspek SC untuk mengawal selia pengambilalihan dan penggabungan – melalui pemantauan proaktif, perundingan, dialog bermaklumat dan penglibatan antarabangsa – mengukuhkan komitmennya dalam mengekalkan pasaran yang adil dan dikawal selia dengan baik di Malaysia. Untuk meningkatkan lagi rangka kerja kawal selianya, SC telah meningkatkan Garis Panduan Ekuiti, sehubungan dengan perubahan ketara dalam hala tuju perniagaan dan polisi perbadanan tersenarai. Inisiatif ini menggalakkan pematuan kepada piawaian kawal selia sambil melindungi hak pemegang saham yang minoriti. Langkah ini menekankan komitmen SC untuk memupuk pasaran yang adil dan telus, bagi memastikan bahawa aktiviti pengambilalihan Malaysia kekal sejajar dengan keadaan pasaran yang berkembang sambil menjaga kepentingan semua pihak berkepentingan.

Memelihara Integriti Pasaran melalui Pengawasan Proaktif Aktiviti Dagangan

SC berpegang teguh dalam komitmen untuk memastikan pasaran modal beroperasi secara adil dan teratur. SC bekerja rapat dengan Bursa Malaysia dalam memantau, mengesan dan bertindak balas terhadap anomali dagangan yang menimbulkan potensi risiko kepada integriti pasaran modal.

Pengawasan SC ke atas Bursa Malaysia merangkumi libat urus yang berterusan untuk memastikan, antara lain, bahawa amalan dagangan yang tidak diingini dikesan dan ditangani dengan berkesan pada peringkat awal. Melalui libat urus ini, Bursa Malaysia mengambil tindakan berkadar yang tepat pada masanya. Ini termasuk libat urus dengan pengantara pasaran modal untuk menyampaikan kebimbangan dan kemungkinan intervensi bagi memastikan pengantara terus berwaspada dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab mereka dalam mengekalkan pasaran yang adil dan teratur.

Semasa tempoh peningkatan ketidaktentuan pasaran, SC melaksanakan dan memastikan Bursa Malaysia turut melaksanakan pemantauan yang lebih teliti serta mengambil langkah proaktif, termasuk mengeluarkan komunikasi awam bersama untuk memaklumkan keadaan pasaran saham kepada peserta pasaran. Aktiviti yang diselaraskan ini merupakan sebahagian daripada pendekatan pelbagai serampang SC untuk memastikan integriti pasaran dan perlindungan pelabur sentiasa terpelihara. Antara langkah tersebut ialah komunikasi strategik yang bertujuan melengkapkan pelabur dengan maklumat yang relevan serta mengingatkan mereka agar membuat keputusan pelaburan berdasarkan asas kukuh dan pengumuman korporat oleh PLC.

Dalam usaha melindungi pelabur secara berterusan, Bursa Malaysia akan mengeluarkan pertanyaan Aktiviti Pasaran Luar Biasa (ÜMA), yang mewajibkan PLC terlibat untuk memberikan respons yang diumumkan segera, memastikan penyebaran maklumat tepat pada masanya untuk menyokong keputusan pelaburan termaklum oleh pihak awam yang melabur. Pada Mei 2024, Bursa Malaysia memperkenalkan Peringatan Dagangan baharu untuk mengukuhkan lagi perlindungan pelabur. Langkah ini memberi peringatan kepada para pelabur tentang saham yang mengalami turun naik yang berterusan, walaupun selepas PLC telah memberi maklum balas terhadap pertanyaan ÜMA. Ini melengkapkan langkah perlindungan pelabur kawal selia yang sedia ada.

Pada 2024, usaha pemantauan pasaran SC melibatkan 1,477 penilaian (2023: 1,405 penilaian) anomali dagangan yang dikesan dan analisis mendalam kes

penyalahgunaan pasaran termasuk kemungkinan dagangan orang dalam dan manipulasi pasaran. Bidang utama tumpuan pemantauan pada tahun 2024 termasuk pemantauan dan penilaian anomali material dalam pergerakan harga dan volum, pendedahan dan pengumuman korporat, aduan dan rujukan yang diterima serta sumber maklumat lain seperti media. Kes dengan kemungkinan pelanggaran undang-undang sekuriti telah dipertingkatkan untuk siasatan dan tindakan penguatkuasaan yang sewajarnya.

Untuk meningkatkan kecekapan, SC menggunakan alat analisis data untuk melengkapkan sistem pemantauan pasaran teras sambil menganalisis aktiviti dagangan. Alat analitik data ini berdasarkan model kuantitatif untuk menyokong analisis mendalam bagi data dagangan yang besar dan kompleks dan pengenalan pola seperti kemungkinan kelompok dagangan dalam kalangan peserta pasaran. Teknologi ini mengukuhkan keupayaan SC untuk mencapai kecekapan yang lebih tinggi dalam menganalisis kemungkinan salah laku pasaran.

Memperkuh Kerjasama Pemantauan Rentas Sempadan

Komponen utama kejayaan SC dalam aktiviti pemantauan sebahagian besarnya terletak pada perkongsian bersama pengalaman secara berkesan dengan pengawal selia pasaran modal antarabangsa. SC terus memainkan peranan aktif dalam mengekalkan kerjasama rapat dengan rakan setara pemantauan antarabangsa melalui pelbagai platform perkongsian maklumat dan pertukaran, seperti Dialog Pengawal Selia Asia Pasifik mengenai Pemantauan Pasaran (ARMS).

Pada 2024, SC menjadi penganjur ARMS ke-9 di Kuala Lumpur, Malaysia, mengumpulkan rakan setara pemantauan dari Australia, Hong Kong, India, Indonesia, Jepun, Singapura, Arab Saudi dan Thailand. Dialog ini memberi tumpuan kepada pengawalseliaan dan pemantauan pertukaran dan dagangan aset digital, SupTech dan analitik data dalam pemantauan pasaran, tipologi salah laku dagangan dan pemantauan terhadap aktiviti tidak berlesen. Cerapan praktikal dikongsi mengenai pendekatan pemantauan strategik, pelbagai alat analitik, dan sistem yang diguna pakai dalam yurisdiksi masing-masing. Ini bertujuan untuk meningkatkan analisis pemantauan dan kecekapan dalam pengesanan aktiviti dagangan anomali. Perbincangan terbuka dan membina ini menyumbang secara bermakna ke arah memastikan bahawa strategi dan pendekatan pemantauan yurisdiksi yang mengambil bahagian kekal relevan dan sejajar dengan amalan terbaik antarabangsa.

Memandangkan aktiviti pasaran modal merentas jurisdiksi semakin meningkat, SC mengambil langkah proaktif untuk menangani salah guna pasaran rentas sempadan. Isu-isu tatalaku yang melibatkan peserta asing dan mereka yang berlesen telah dikongsi dengan rakan pengawal selia antarabangsa melalui Memorandum Persefahaman Pelbagai Hala (MMOU) IOSCO. Kerjasama ini bertujuan untuk memerangi salah laku dagangan rentas sempadan yang boleh menjejaskan integriti pasaran sambil mencapai hasil kawal selia untuk manfaat bersama. Perkongsian pemerhatian pemantauan juga membantu mengukuhkan standard tadbir urus dan akauntabiliti dalam kalangan pengantara dalam mengendalikan dagangan merentas pasaran.

Pemantauan dan Pengawasan Berterusan ke atas Pasaran Bon Korporat dan Sukuk

Pada 2024, kadar hasil bon domestik adalah stabil dengan penanda aras kadar hasil MGS 10 tahun bergerak dalam julat 3.7% hingga 4.0%. Inflasi Indeks Harga Pengguna (IHP) utama di Malaysia meningkat daripada kadar rendah 1.5% pada Januari 2024 kepada 1.8% pada November 2024, manakala IHP utama di AS menurun daripada 3.1% pada Januari 2024 kepada 2.7% pada November 2024.

Di dalam negara, Bank Negara Malaysia (BNM) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 3.00% sepanjang tahun 2024. Pendirian dasar monetari kekal menyokong pertumbuhan ekonomi dan sejajar dengan penilaian semasa terhadap prospek inflasi dan pertumbuhan.

Di AS, Rizab Persekutuan mengurangkan kadar faedah buat kali pertama dalam tempoh empat tahun, sebanyak 50 mata asas pada September 2024, berikutan pasaran buruh yang semakin perlahan dan inflasi yang melembap. Pada November dan Disember 2024, kadar faedah dipotong dua kali lagi, masing-masing sebanyak 25 mata asas, kerana inflasi terus bergerak ke arah sasaran 2% yang ditetapkan oleh Rizab Persekutuan. Plot titik Rizab Persekutuan terkini menunjukkan bahawa kebanyakan pegawai Rizab Persekutuan AS mengunjurkan kadar faedah akan berada dalam julat 3.75%-4.00% pada akhir tahun, bersamaan dengan pemotongan kadar keseluruhan sebanyak 50 mata asas pada tahun 2025. Plot titik ini diterbitkan setiap suku tahun oleh Rizab Persekutuan dan menunjukkan jangkaan ahli jawatankuasa penggubal dasar mengenai kedudukan Kadar Dana Persekutuan pada akhir tahun semasa.

Berdasarkan pemerhatian SC, peristiwa-peristiwa ini tidak memberi kesan besar terhadap keupayaan penerbit bon korporat domestik untuk mengumpul dana pada kadar yang kompetitif sepanjang tahun. Terbitan bon korporat dan sukuk jangka panjang pada tahun 2024 berjumlah RM124.1 bilion, sejajar dengan unjuran SC sebanyak RM120-RM130 bilion terbitan pada tahun 2024.

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan SC untuk menyelia pasaran bon korporat dan sukuk, SC memantau rapat penerbit bon korporat yang berada di bawah tekanan kredit. Pada masa ini, penerbit bon korporat tersebut adalah minimum (kurang 2% daripada pasaran bon korporat dan sukuk) dan kebanyakannya berasal daripada sektor tenaga dan utiliti, hartanah dan pengangkutan. Penerbit ini, sebagai contoh, meminta kelonggaran daripada pelabur untuk lanjutan masa dalam memenuhi nisbah kewangan yang dipersetujui, kelewatan dalam pembayaran kupon atau prinsipal, serta bentuk pembiayaan semula yang lain.

Pasaran bon korporat dan sukuk tidak mencatatkan sebarang kemungkiran penerbit pada 2024, berbanding satu kemungkiran penerbit bernilai RM200 juta pada 2023. Sepanjang 2024, terdapat enam penurunan penarafan (2023: 8), dengan dua daripadanya melibatkan sektor hartanah, dua sektor perindustrian, serta masing-masing satu sektor pengangkutan dan sektor automobil serta alat ganti. Dari segi prospek penarafan, terdapat 11 penerbit bon korporat dengan prospek negatif pada 2024 (2023: 10).

Memperkuh Aktiviti Pemantauan Pasaran Bon

Dalam pasaran bon korporat dan sukuk, peserta pasaran memainkan peranan yang amat penting dalam menegakkan integriti pasaran, dengan memastikan pematuhan kepada peraturan dan melindungi kepentingan pelabur. Untuk tujuan ini, SC bekerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan, termasuk agensi penarafan kredit, agensi penetapan harga bon, dan pemegang amanah bon dan sukuk, sepanjang tahun 2024 untuk berkongsi pengetahuan, memberikan pandangan, dan menangani kedua-dua cabaran sedia ada dan yang bakal muncul.

Pada Januari 2024, SC menganjurkan beberapa sesi libat urus dengan firma guaman untuk memahami amalan industri mengenai kemungkiran bon dan sukuk dari perspektif undang-undang. Pada Mac 2024, SC mengadakan perbincangan tertutup dengan agensi penarafan kredit untuk bertukar pandangan tentang perkembangan terkini yang memberi kesan kepada

pasaran bon dan sukuk tempatan. Isu yang dibincangkan termasuk prospek pasaran bon, jangkaan kadar faedah, pelaburan asing, kestabilan dan ketepatan penarafan domestik, dan pasaran hartanah China. SC akan mengekalkan interaksinya dengan peserta pasaran utama untuk mengikuti perkembangan pasaran terkini.

PENGAWASAN

Pengawasan Penilaian Risiko Teknologi dan Siber

Pada tahun 2024, SC memerhatikan pergantungan yang semakin meningkat pada teknologi baru muncul, seperti *blockchain*, *cloud*, kecerdasan buatan (AI), dan *internet of things* (IoT), untuk meningkatkan kecekapan, automasi dan pembuatan keputusan berasaskan data. Walaupun kemajuan teknologi ini menawarkan faedah yang ketara, ia juga memperkenalkan risiko dan cabaran baharu. Tahun ini menyaksikan peningkatan kebimbangan terhadap serangan perisian hasad dan perisian tebusan, yang mengakibatkan kebocoran data bagi organisasi yang terjejas. Selain itu, daya tahan dan kesediaan teknologi dalam pasaran menghadapi pengawasan berikutan gangguan *CrowdStrike*, yang menekankan keperluan kritikal untuk menangani kelemahan rantai bekalan.

Semakan Garis Panduan Pengurusan Risiko Teknologi

Pada 19 Ogos 2024, *Garis Panduan Pengurusan Risiko Teknologi* (GTRM) telah disemak semula dan dikuatkuasakan. Pelaksanaan ini mengikuti tempoh peralihan selama satu tahun yang bermula pada 1 Ogos 2023. Tujuannya adalah untuk memberikan masa yang mencukupi kepada entiti pasaran modal (CME) bagi membuat persediaan dan memastikan pematuhan terhadap keperluan GTRM. GTRM menggantikan *Garis Panduan Pengurusan Risiko Siber* (GMCR), yang sebelum ini menumpukan kepada isu keselamatan siber. Sebaliknya, GTRM menyediakan rangka kerja yang lebih komprehensif dengan mengintegrasikan pengurusan risiko teknologi, sekaligus menangani pelbagai risiko dalam pasaran modal dengan lebih berkesan.

Pemantauan Trend Teknologi dan Siber

Di bawah GTRM, CMEI dikehendaki melaporkan insiden teknologi dan siber melalui sistem Vault, iaitu platform sistem pengurusan kes yang direka untuk membolehkan CME melaporkan insiden berkaitan teknologi dan siber. Sistem Vault juga memudahkan analisis trend dan punca

utama secara berkesan, sekali gus mengukuhkan keupayaan kawal selia SC.

Sejak pengenalan GTRM, terdapat peningkatan ketara dalam jumlah insiden yang dilaporkan, yang telah meningkatkan keterlihatan SC terhadap kedudukan risiko industri serta memperkukuh usaha untuk memastikan daya tahan teknologi dan siber dalam pasaran modal. Analisis SC terhadap insiden yang dilaporkan melalui Vault sepanjang tahun 2024 menunjukkan bahawa 77% diklasifikasikan sebagai insiden teknologi, terutamanya melibatkan kegagalan perkakasan atau perisian. Baki 23% dikategorikan sebagai insiden keselamatan siber, dengan kebocoran data menjadi kejadian paling dominan. Penemuan ini menekankan kepentingan pengurusan yang kukuh terhadap komponen perisian dan perkakasan, terutamanya dalam menangani risiko rantai bekalan. SC menggesa organisasi agar sentiasa berwaspada terhadap potensi kesan yang boleh timbul.

Walaupun terdapat penurunan dalam jumlah keseluruhan insiden keselamatan siber berbanding 2023, setiap insiden baharu tetap membawa risiko impak yang lebih besar kepada organisasi. Khususnya pada tahun 2024, peningkatan kekerapan kes ransomware dan malware telah menimbulkan risiko terhadap kerahsiaan data dalam organisasi yang terjejas.

Memperkasakan Pemimpin Kanan dalam Pengurusan Risiko Teknologi dan Siber

Pada 10 Mei 2024, SC mengadakan 'Forum C-Suite mengenai Pengurusan Teknologi dan Risiko Siber' sulungnya sebagai sebahagian daripada inisiatif SCxSC. Kira-kira 180 eksekutif kanan daripada industri pasaran modal hadir, yang menunjukkan komitmen sektor itu untuk menangani cabaran risiko siber dan teknologi yang semakin berkembang. SC menekankan peranan penting kepimpinan C-Suite dalam mengemudi landskap risiko teknologi dan siber yang semakin kompleks dengan menekankan bahawa panduan strategik daripada pengurusan kanan adalah penting untuk pengurangan risiko dan daya tahan yang berkesan.

Forum ini memberi peluang untuk membincangkan penemuan penting daripada audit teknologi, trend insiden pasaran modal dan mendapatkan cerapan tentang GTRM. Antara perkara penting yang dikongsi dengan eksekutif kanan ialah lima penemuan paling biasa daripada audit teknologi penyeliaan, seperti yang diringkaskan dalam Jadual 15.